

15/06/1998

Ada pihak berniat lagakan pucuk kepemimpinan

KUANTAN, Ahad - Pihak tertentu yang mengembar-gemburkan isu nepotisme dan suku-sakat dipercayai mempunyai niat melagakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Fauzi Abdul Rahman.

Beliau berkata, mereka dipercayai mempunyai agenda tersendiri dan tergolong di kalangan orang yang kecewa dan suka melihat perpecahan serta perbalahan untuk kepentingan sendiri.

Katanya, kedua-dua istilah itu digunakan oleh Barat untuk merujuk kepada Indonesia dan apabila ia digembar-gemburkan boleh menimbulkan kemarahan rakyat kepada pemimpin.

"Keadaan itu boleh membantu menurunkan pemimpin tetapi di negara ini, penggunaan istilah itu mungkin disalah tafsir.

"Saya sudah menghubungi Ketua Pemuda Umno, Datuk Zahid Hamidi untuk mengetahui kedudukan sebenar mengenai kenyataannya.

"Zahid menjelaskan bahawa beliau merujuk kepada hal khusus saja dan tidak membabitkan pemimpin. Beliau tidak berniat untuk menimbulkan ketegangan terhadap pemimpin.

"Tetapi, kini isu itu sudah menjadi buah mulut dan pihak tertentu sudah tentu mengambil kesempatan untuk memburukkan lagi keadaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan upacara pecah tanah tapak pembinaan bangunan baru Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Pooi Ming, di Kampung Soi, dekat sini, hari ini.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Kan Tong Leong dan Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Indera Mahkota, Ti Lian Ker.

Menurut Fauzi, pihak berkenaan juga tidak boleh membuat perbandingan sistem demokrasi negara ini dengan negara lain kerana sistem demokrasi Malaysia berlandaskan kepada kekuatan suara rakyat.

"Jika rakyat tidak bersetuju dengan sesuatu dasar, mereka boleh menolak kerajaan sedia ada dan ini pernah berlaku apabila Pulau Pinang jatuh ke tangan pembangkang dan begitu juga di Kelantan.

"Ini bererti kuasa rakyat menentukan pemimpin yang dikehendaki. Oleh itu, rakyat tidak perlu takut," katanya.

Fauzi berkata, apa yang berlaku sekarang adalah semata-mata untuk melagakan Dr Mahathir dengan Anwar, sedangkan kedua-duanya adalah akrab dan menghormati pandangan antara satu sama lain.

"Saya berharap mereka yang cuba melaga-lagakan mereka membuat pekerjaan lain yang lebih berfaedah.

"Sepatutnya semua masyarakat memberi pandangan mengenai cara mengatasi masalah ekonomi negara. Jika kita berpecah keadaan akan terus berterusan dan tidak menguntungkan mana-mana pihak," katanya.

Apabila ditanya mengenai dakwaan bahawa ada perbezaan pandangan di antara Dr Mahathir dan Anwar, beliau berkata, ia cuma pandangan serong orang ramai atau pihak tertentu yang suka melagakan pemimpin.

Sebagai contoh, katanya, Perdana Menteri sering bercakap mengenai pembangunan pesat untuk memajukan negara manakala Anwar mahu rumah kos rendah diperbanyakkan.

Bagi mereka yang berfikiran sempit mendakwa bahawa kenyataan itu adalah bercanggah.

"Sebenarnya kedua-dua kenyataan itu adalah betul kerana kita mahu Malaysia maju dan kaya.

"Dengan kekayaan yang ada, kita mesti memanfaatkannya untuk mereka yang berpendapatan rendah, seperti keperluan asasi iaitu rumah," katanya.  
(END)